

Berjuang dengan Kekuatan

Makin banyak kita mengalami perjuangan hidup, makin terasalah kita betapa utamanya Tuhan menjadikan “jihad” sebagai suatu kemestian dalam hidup kaum Muslimin. Sangat banyak ayat-ayat Qur’ān dan hadis yang menuntut supaya umat Islam berjihad terus-menerus pada tiap-tiap masa.

(Oleh : al-Ustādh Muḥammad ‘Alī al-Hamīdī)

Memang ajaran Islam yang demikian sucinya, tidak akan dapat dilihat hasil dan faedahnya kalau bukan dengan berjihad dalam segala lapangan. Selama kita menjadi bangsa merdeka sudah banyak usaha yang kita garapkan untuk agama dan bangsa, tetapi harus kita insaf bahawa berjihad untuk melaksanakan cita-cita agama itu keikhlasan dan ketetapan hati pada membela yang hak. Bukan sekadar ada sahaja.

Sediakanlah kekuatan

Berjihad dengan tiada kekuatan yang tersusun jangankan berhasil tetapi menyia-nyiakan masa yang berharga. Kekuatan itu harus di faham dengan erti yang luas, iaitu semenjak dalam menjalankan perintah-perintah Ilahī seperti ibadat sembahyang, hinggalah kepada mengharungi berbagai-bagai perusahaan

Sebab itu kitab suci al-Qur’ān menyuruh kita berusaha supaya menjadi kuat dan dapat menyediakan kekuatan supaya golongan yang benci kepada agama Allah jangan berani menceroahi kita dan berbuat sesuka hati mereka. Sejarah Nabi junjungan kita Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* dan sahabat-sahabatnya telah menunjukkan bahawa berjihad itu mestilah dengan kekuatan dan kita mestilah kuat.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī menyatakan bahawa Nabi (S.A.W) bersabda, (ertinya):
“Tidak meninggalkan suatu golongan akan jihad melainkan Allah turunkan seksaan secara merata.”
Walaupun sudah banyak sekali kita menggunakan kata jihad pada saat sekarang dan telah fasih lidah menyebutnya, maka mustahaklah kita bertanya dalam hati : Adakah kita ini sudah menjalankan petunjuk Allah *‘azza wa jalla* dalam berjihad dengan sepenuhnya??

Umat Islam dikelilingi Lawan

Lihatlah sekarang ini, betapa kita dikelilingi oleh golongan yang tidak senang hatinya melihat kebangkitan Islam, yang sentiasa menunggu kalangan kita; dan juga oleh orang-orang yang mengaku Islam tetapi segan membawa ajaran Islam itu dalam lapangan tinggi, sebagai suatu susunan masyarakat dan negara.

Berjihad memang berkehendakkan kekuatan, baik semangat mahu pun kebendaan, tetapi kerap kali kekuatan itu datang dengan sebab berjuang.

Sebab itu hal ini berhubung rapat satu sama lain, sehingga kita sedarlah bahawa setiap saat kita jangan lalai. Pengalaman sudah menunjukkan bahawa

dalam berjuang itu banyak benar gangguannya, seperti fitnah dan ancaman, pujukan dengan wang dan pangkat, dan ada pula teman seperjuangan yang belot.

Tidak hairan kita bila Islam mendidik supaya nafsu jangan menjadi penghalang hati dalam berjuang. Gunakanlah pertunjuk Allah setiap saat. Nafsu suka senang, dipuji dan takut akan ancaman, lazimnya menjauhkan keberanian. Itulah maka dalam berjuang, orang harus pula mengalahkan hawa nafsunya, sebab kerap kali orang yang kelihatan berjuang dengan cergas, tiba-tiba dia di separuh jalan terpengaruh kepada harta benda, kedudukan, dan sebagainya, maka robohlah pertahanan jiwanya dalam berjihad.

Oleh itu, dalam berjihad, kita mestilah jangan merenggangkan diri daripada ibadat pada waktunya yang tertentu, kerana amalan ini mengisi jiwa dengan pertunjuk-pertunjuk Allah serta menyirami jiwa dengan kebesaran Allah.

* * *

Dalam Surah al-Anfāl, ayat 74, Tuhan berfirman, (ertinya):

“Dan orang-orang yang beriman, dan berhijrah, berjihad pada jalan Allah dan orang-orang yang melindungi dan menolong, merekalah mukmin yang sebenarnya; mereka mendapat ampun dan kurnia yang mulia”.

Keutamaan agama kita ini berkehendakkan kesungguhan berjuang. Sebagaimana pihak lain hendak menutup sinar Ilahi kita sudah mengetahuinya. Bagi kita sekarang ialah mesti maju terus dalam perjuangan dengan amal dan tindakan. Sudah banyak

orang mendengar suara kita, yang mustahak sekarang ialah hasilnya.

Hindarkanlah Perbuatan yang Merugikan

Apa yang dapat kita sumbangkan untuk perjuangan Islam mari kita sumbangkan, sekurang-kurangnya jangan ada yang mengacau dan mengusutkan perjuangan, baik dengan tutur kata ataupun dengan tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Janganlah ada di antara kita yang berbuat sesuatu yang menguntungkan lawan, ini sudah tentu merugikan.

Satukanlah Barisan

Alangkah gembiranya kita apabila merenungkan firman Allah Ta‘ālā di dalam Surah al-Şaff, ayat 3, (ertinya):

“Sesungguhnya Allah suka kepada mereka yang berjuang pada jalannya merupakan satu barisan, seolah-olah mereka suatu bangunan yang kukuh”.

Berjuang bermati-mati serta dalam barisan yang satu sesama kaum Muslimin memang inilah suatu cara menegakkan kekuatan Islam dan tentulah hasilnya akan menggembirakan.

Marilah kita perkuat barisan umat kita dengan amal usaha yang membuahkan kekuatan dan tanda adanya kemajuan berjuang. Dan setiap hari kita hendaknya lebih baik dari hari-hari yang telah lalu.

Berjuang dengan kekuatan adalah lazim, dan kekuatan itu pun akan diperoleh dengan kekuatan pula.